

Edisi Mei – Ogos 2020

## LAWATAN MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR

Pada 6 Jun 2020, YB Dato Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air telah mengadakan lawatan kerja ke Pejabat Meteorologi (PM) Kelantan. YB Menteri telah diberi taklimat oleh Pengarah PM Kelantan, Puan Rabiah Al Adawiah bt Hj. Zakaria mengenai operasi dan peranan PM Kelantan.



Pada 6 Julai 2020, YB Menteri yang diiringi oleh YBhg. Datuk Seri Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan KPMET telah meninjau perkembangan Projek Pembinaan Stesen Meteorologi Radar Marang, Terengganu.

# Rencana Pengarang

**Saudara, Saudari pembaca budiman ...**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pada 24 Ogos 2020, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang berakhir pada 31 Ogos 2020 dilanjutkan lagi sehingga 31 Disember 2020. Oleh itu kita perlu meneruskan kebiasaan baharu seperti pemakaian pelitup muka (face mask), pematuhan penjarakan sosial dan kerap basuh tangan dengan sabun atau menggunakan *hand sanitizer*. Kita perlu mematuhi garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan mengelakkan *3C* (crowded, confined, close conversation) dan mengamalkan *3W* (wash, wear, warn) bagi memutuskan rantaian COVID-19. Secara umumnya, perkhidmatan awam termasuk jabatan telah beroperasi dengan sepenuhnya manakala terdapat agensi-agensi swasta telah menjadikan Bekerja Dari Rumah (BDR) sebagai kebiasaan baharu untuk kakitangan.

Negara kini berada dalam Monsun Barat Daya yang bermula pada 18 Mei 2020. Monsun Barat Daya kali ini agak lembap dengan banyak kejadian ribut petir dan hujan lebat menyebabkan banjir kilat berlaku sehingga Ogos 2020 berbanding kelazimannya panas dan kering. Keragaman corak cuaca sebegini merupakan cabaran getir yang dihadapi jabatan dalam memastikan aspek kesejahteraan dan keselamatan terhadap orang ramai. Beberapa mesyuarat penting seperti Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Strategik Bersama Ketua Pengarah MET Malaysia dan Mesyuarat Post Mortem Monsun Timur Laut (MTL) 2019/2020 telah berlangsung pada bulan Ogos bagi meneruskan kesinambungan perkhidmatan jabatan kepada negara. Akhir kata, marilah kita renungkan kata-kata hikmah berikut untuk memanfaatkan kita semua.

*"Apakah diharapkan hujan tanpa awan"*



Salam Mesra,  
Ramlan Ab Rahman  
Ketua Pengarang

# Rencana Pengarang

## SIDANG PENGARANG



### **Penasihat**

YBrs. Dr. Mohd Hisham Mohd Anip

### **Ketua Pengarang**

Encik Ramlan Ab Rahman

### **Pengarang Eksekutif**

YBrs. Dr. Fariza Yunus

### **Pengarang**

Puan Lucia Enggong

Puan Nor Khafiza Manan

Puan Rosita Galang

Puan Siti Norbaizura Mat Said

Puan Marcella James J.

Encik Rosmadinor Mohamad

Encik Mohd Ridzuan Adam

Puan Wan Fariza Mustafah

Puan Dayang Norazila Awang Bima

Puan Siti Badderiah Hamim

### **Pegawai Perhubungan Awam**

Puan Malini a/p Kunjappan

### **Reka Bentuk**

Encik Ab. Rahman Buang

Puan Lillian Nasharidah Boney Abdullah

### **Juru Foto**

Encik Rosli Abu Bakar

### **Urus Setia**

Puan Marina Ismail


Puan Sytee Syafarina Jaafar



# Aktiviti Jabatan

## LAWATAN KETUA PENGARAH MET MALAYSIA

### PM Pahang



Pada 29 Jun 2020, KPMET telah menghadiri Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Menara Radar Cuaca Temerloh yang bertempat di PM Temerloh, Pahang. KPMET telah menerima kunci sebagai simbolik penyerahan menara. Penyerahan menara ini membolehkan pemasangan sistem radar cuaca X-Band bermula pada pertengahan Julai dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2020.

### PM Kelantan

Pada 5 Julai 2020, KPMET telah mengadakan lawatan kerja ke PM Kelantan. Beliau telah mengadakan sesi dialog bersama staf PM Kelantan dan melawat tapak projek menara radar Kota Bharu yang merupakan sebahagian daripada komponen Projek Peningkatan Kecekapan Sistem Rangkaian Radar Cuaca.



# Aktiviti Jabatan

## PM Terengganu

Pada 5 Julai 2020, KPMET telah mengadakan lawatan kerja ke Pejabat Meteorologi Terengganu.



## PM Kuala Terengganu

Pada 6 Julai 2020, KPMET telah mengadakan lawatan kerja ke Pejabat Meteorologi Kuala Terengganu.



# Aktiviti Jabatan

## MESYUARAT STRATEGIK BERSAMA KETUA PENGARAH MET MALAYSIA



Mesyuarat Strategik Bersama Ketua Pengarah MET Malaysia telah diadakan pada 27 hingga 28 Ogos 2020 di Kompleks Tabung Haji Movenpick Sepang, Selangor. Mesyuarat ini diadakan bertujuan memperkasakan hala tuju Jabatan agar relevan dengan keperluan dan perubahan semasa sebagai agensi tunggal negara dalam membekalkan perkhidmatan meteorologi, iklim dan geofizik. Di samping membincangkan pencapaian pelaksanaan Pelan Strategik 2016-2020, draf Pelan Strategik bagi tahun 2021-2025 turut dibentangkan dalam mesyuarat ini.



# Aktiviti Jabatan

## MESYUARAT POST-MORTEM MONSUN TIMUR LAUT (MTL) DAN SEMAKAN SEMULA PERATURAN TETAP OPERASI (PTO) PENYEDIAAN DAN PENYEBARAN NASIHAT/AMARAN CUACA



Pada 25 dan 26 Ogos 2020, Mesyuarat *Post-Mortem* Monsun Timur Laut (MTL) Dan Semakan Semula Peraturan Tetap Operasi (PTO) Penyediaan dan Penyebaran Nasihat/Amaran Cuaca telah diadakan di Kompleks Tabung Haji Movenpick Sepang, Selangor. Mesyuarat

ini bertujuan menilai semula keberkesanan PTO sedia ada selain menjadi platform kesiapsiagaan jabatan menghadapi MTL pada tahun ini. Antara agenda utama mesyuarat ini adalah perbincangan *post-mortem* MTL yang lalu (2019/2020), persediaan awal menghadapi MTL tahun ini (2020/2021) dan semakan semula PTO sedia ada.



# Aktiviti Jabatan

## MAJLIS PRA PENYERAHAN PROJEK PENINGKATAN KECEKAPAN SISTEM RANGKAIAN RADAR CUACA KUALA KRAI, KELANTAN



Pada 11 Jun 2020, Jabatan Kerja Raya Jajahan Kuala Krai telah mengadakan Majlis Pra Penyerahan Menara Radar Kuala Krai bagi Projek Peningkatan Kecekapan Sistem Rangkaian Radar Cuaca di tapak projek radar Kuala Krai. Rombongan jabatan yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Encik Muhammad Helmi bin Abdullah diberi taklimat mengenai status dan perkembangan projek dan juga membuat pemeriksaan terhadap bangunan Menara.

# Aktiviti Jabatan

## MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PEMBINAAN MENARA RADAR CUACA KUALA KRAI



Pada 21 Julai 2020, Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Menara Radar Cuaca Kuala Krai telah berlangsung di PM Kuala Krai, Kelantan. Pengarah Bahagian Radar dan Satelit Meteorologi, En. Maqrun Fadzli Mohd Fahmi mewakili jabatan untuk menerima


kunci penyerahan projek daripada Jurutera Jajahan Kuala Krai, Ir. Hafifi Hafidz bin Mohd. Pemasangan sistem radar cuaca X-Band di Menara Radar Kuala Krai dijadualkan bermula pada awal Ogos serta dijangka siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2020.



## PENAMATAN OPERASI STESEN METEOROLOGI RADAR BUTTERWORTH

Setelah beroperasi lebih 30 tahun, Stesen Meteorologi Radar (SMR) di Pangkalan Udara Butterworth telah ditamatkan operasinya pada 1 Mei 2020 kerana keadaan peralatan yang semakin usang dan sukar untuk dibaikpulih. Tambahan pula peranan SMR ini akan diambalalih oleh SMR Kuala Gula, Perak yang sedang dalam pembinaan.

Stesen Meteorologi Radar dulunya dikenali sebagai Balai Amaran Ribut dan kakitangan yang bertugas pada masa itu perlu melukis (tracing) secara manual paparan gema radar di skrin khas. Seiring dengan kemajuan teknologi radar, pencerapan gema radar secara analog juga telah beralih kepada sistem digital yang lebih moden - *Doppler* Radar.



Gambar stesen pada tahun 80-an



Gambar stesen terkini

# Aktiviti Jabatan

## PROJEK MYRAINS ANTARA MET MALAYSIA DENGAN MAP2U DI BAWAH AKTIVITI RESEARCHER INDUSTRY SCIENTIFIC EXCHANGE (RISE)

Pada 10 Jun 2020, satu perbincangan program RISE telah diadakan bagi membincangkan hakmilik dan penyelenggaraan aplikasi MyRaINS dengan MAP2U sebelum ia dilancarkan untuk kegunaan awam.



Mesyuarat susulan telah diadakan di MAP2U Sdn. Bhd, Nilai, Negeri Sembilan pada 2 Julai 2020 bagi melaporkan status kemajuan Projek MyRaINS. Lawatan *technology update* ke Pusat Data Sektor Awam Enstek yang menempatkan sistem MET Malaysia dan juga *command center* milik MAP2U di Bukit Mahkota telah dilaksanakan pada pertengahan Ogos 2020.



# Aktiviti Jabatan

## PEMASANGAN SISTEM PENCERAPAN SUHU PERMUKAAN AUTOMATIK (ASTOS)

Jabatan telah mengambil inisiatif bagi mematuhi obligasi di bawah Konvensyen Minamata mengenai larangan pembuatan, pengimportan dan pengeksportan produk mengandungi merkuri seperti termometer. Projek pemasangan Sistem Pencerapan Suhu Permukaan Automatik (ASTOS) telah dijalankan bagi menggantikan termometer yang meliputi *sensor* PT100 di 43 buah Stesen Meteorologi Utama dan *sensor* HMP155 di 37 buah Stesen Meteorologi AWS Auksiliari di seluruh negara. Kerja-kerja pemasangan dan pengujian ASTOS ini bermula dari 15 Oktober 2019 hingga 20 Julai 2020.



MARDI KUBANG KERANJI,  
KELANTAN



FELDA NERAM SATU,  
TERENGGANU



MARDI BUKIT RIDAN,  
PAHANG



PM BUTTERWORTH,  
PULAU PINANG



PM SETIAWAN,  
PERAK



PM KUALA KANGSAR,  
PERAK

# Aktiviti Jabatan

## AUDIT DALAMAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT MS ISO/IEC 27001:2013



Audit Dalaman Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat MS ISO/IEC 27001:2013 bagi tahun 2020 telah dilaksanakan pada 6 Ogos hingga 1 September 2020. Sesi pembukaan audit ini telah diadakan di Ibu Pejabat MET Malaysia pada 6 Ogos 2020.

Pada tahun ini, aktiviti audit dilaksanakan dengan menggunakan dua kaedah iaitu audit di lokasi dan audit secara telesidang disebabkan wabak pandemik COVID-19. Audit dalaman di PM Sarawak, PM Sabah dan PM Labuan dilakukan secara telesidang manakala di Ibu Pejabat, PMPN, PM Selangor, PM Pulau Pinang, PM Butterworth, PM Pahang dan PM Terengganu diadakan di lokasi masing-masing. Seramai 16 orang auditor yang terlibat dalam pelaksanaan audit ini yang berlangsung selama empat minggu.

# Aktiviti Jabatan

## PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN



Pada 17 Ogos 2020 telah diadakan Perhimpunan Bulanan bagi bulan Ogos yang dihoskan oleh Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional. Tema perhimpunan pada kali ini adalah bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan Negara yang ke-63. Selaras dengan norma baharu dan pematuhan SOP, kehadiran warga jabatan telah dihadkan kepada 90 orang sahaja. Ini bagi memastikan penjarakan sosial dipatuhi dan setiap warga yang hadir diwajibkan memakai pelitup muka sebagai usaha untuk memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19. Antara aktiviti yang telah diadakan pada perhimpunan kali ini ialah majlis penyampaian hadiah dan pelancaran logo baharu Surau Kajicuaca, sambutan ulangtahun kelahiran warga jabatan yang lahir pada bulan Ogos dan juga majlis bagi meraikan pelantikan YBrs. Dr. Mohd Hisham Bin Mohd Anip sebagai Timbalan Ketua Pengarah Strategik dan Teknikal.

# Aktiviti Jabatan

## KAUNTER SARINGAN KESIHATAN AKRAB

Pada 18 Ogos 2020, AKRAB MET Malaysia telah membuka Kaunter Saringan Kesihatan AKRAB kepada ahli Mesyuarat Pengurusan Jabatan bermula pukul 8.30 pagi di Lobi Bangunan Utama MET Malaysia. Ini merupakan julung-julung kalinya program sebegini dikendalikan oleh ahli AKRAB MET Malaysia. Ramai warga jabatan turut hadir untuk menjalani saringan kesihatan tersebut.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Pejabat Kesihatan Daerah Petaling turut mengadakan Kaunter Perkhidmatan Pemberian Vaksin Hepatitis B secara percuma kepada kepada warga jabatan yang berminat.




# Aktiviti Jabatan

## MESYUARAT DAN TAKLIMAT SECARA TELESIDANG



Semasa negara melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020, warga jabatan telah menggunakan platform ICT untuk mengadakan mesyuarat dan taklimat secara telesidang dalam tempoh tersebut.




Pada 9 Julai 2020, taklimat SME telah berlangsung di Ibu Pejabat MET Malaysia yang dapat ditonton di semua Pejabat Meteorologi secara telesidang. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Pengarah Bahagian Latihan Teknikal, Encik Lim Ze Hui.

## MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

Pada 3 Julai 2020, sesi pemilihan calon baharu MBJ 2020/2022 telah diadakan bagi menggantikan jawatan MBJ sesi 2018/2020. Setelah sesi pencalonan ditutup pada 26 Jun 2020, bagi semua jawatan yang dipertandingkan, tiga jawatan masih mengekalkan wakil yang sama, daripada enam pencalonan yang dikemukakan hanya satu pencalonan yang diterima dan telah diisytihar menang tanpa bertanding.

Manakala jawatan Naib Pengerusi MBJ dan wakil Pegawai Meteorologi Gred 48/C52 pula telah menerima dua pencalonan iaitu Encik Afizal Haqem bin Shapee dan Encik Mazly Mohamed. Keputusan pengundian pada 3 Julai 2020, mengisytiharkan Encik Afizal Haqem bin Shapee memenangi undian tersebut dengan majoriti 27 undi. Pecahan peratusan dan maklumat penuh undian adalah seperti di bawah:



### Keputusan Undian Online

Jumlah keseluruhan yang mengundi: 152  
Undi rosak: 27  
Undi yang diterima: 125

# Aktiviti Jabatan


Ahli-ahli MBJ baru bagi sesi 2020/2022 adalah seperti berikut:

No	Jawatan	Wakil 2018/2020	Wakil 2020/2022
1	Naib Pengerusi dan Wakil Pegawai Meteorologi Gred C48/C52	Encik Nik Mohd Riduan bin Nik Osman	Encik Afizal Hageem Bin Shapee
2	Wakil Pegawai Meteorologi Gred C44	Encik Mohd Azizi bin Mat Taib	Puan Norain Farah Aida Ismail
3	Wakil Skim Pegawai Meteorologi Gred C41	Encik Mohd Khairul bin Othman	Encik Muhammad Mikhael Cadorna
4	Wakil Skim Pegawai Tadbir & Diplomatik	Encik Mohd Effendi bin Abdul Rahman	Encik Mohd Effendi bin Abdul Rahman
5	Wakil Skim Perkhidmatan Teknologi Maklumat	Puan Norsyimah binti Idris	Encik Suffian Bin Mohd Yusoff
6	Wakil Skim Perkhidmatan Kewangan	Encik Mohd Firdaus Bin Mohd Zubir	Encik Mohd Firdaus Bin Mohd Zubir
7	Wakil Skim-skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (P/O), Pembantu Penerbitan, Pegawai Khidmat Pelanggan, Penjaga Jentera Elektrik dan Pembantu Perpustakaan	Encik Md Isa Bin Yahya	Encik Nuri Azidi Ngah
8	Wakil Skim Perkhidmatan Pemandu Kenderaan	Encik Rusdi@Rosziah bin Esa	Encik Rusdi@Rosziah bin Esa
9	Wakil Pekerja Negeri Sarawak	Puan Baizuriah binti Ahmad	Encik Abdul Karim Bin Dollah
10	Wakil Pekerja Negeri Sabah	Encik Ahmad bin Minulin	Encik Abdul Latif bin Hj.Muluk

# Aktiviti Jabatan

## MAJLIS LAPOR DIRI PEGAWAI METEOROLOGI DAN PENOLONG PEGAWAI METEOROLOGI BAHARU

Pada 10 Ogos 2020, majlis lapor diri telah diadakan bagi seramai 69 orang pegawai lantikan baharu yang terdiri daripada 9 orang Pegawai Meteorologi Gred C41 dan 60 orang Penolong Pegawai Meteorologi Gred C29 yang terdiri 54 orang lelaki dan 15 orang perempuan. Purata umur pegawai lantikan baharu tahun 2020 ini adalah dalam lingkungan 24 hingga 31 tahun. Program lapor diri ini telah berlangsung selama tiga hari bermula pada 10 hingga 12 Ogos 2020. Majlis Amanat Bersama KPMET telah diadakan pada 12 Ogos 2020 bersekali dengan penyerahan surat penempatan kepada pegawai lantikan baharu serta bacaan Ikrar Aku Janji.



## AKTIVITI SURAU KAJICUACA

Surau Kajicuaca telah melaksanakan beberapa aktiviti secara atas talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pada tahun ini, sumbangan derma sebanyak RM3,050.00 telah berjaya dikutip dan diagihkan kepada waris sembilan anak-anak yatim warga jabatan untuk kegunaan mereka. Sumbangan duit raya ini diharapkan dapat memberikan sedikit keceriaan kepada mereka ketika menyambut Hari Raya Aidil Fitri pada tahun ini.

Surau Kajicuaca juga telah meneruskan tradisi mengagihkan kurma sempena menyambut bulan Ramadan yang penuh keberkatan. Aktiviti ini telah diperluaskan ke PM Negeri seluruh negara. Bagi merancakkan lagi aktiviti surau pada tahun 2020 ini, satu pertandingan mencipta Logo Surau Kajicuaca telah diadakan semasa PKP. Pertandingan ini bertujuan memberikan penjenamaan Surau Kajicuaca di samping memberi peluang kepada kakitangan yang mempunyai bakat mencipta logo. Seramai lapan orang warga jabatan telah menyertai pertandingan ini dan sebanyak 43 logo telah dipertandingkan. Logo ciptaan En. Mohd Izwan Saufi bin Omar dari Bahagian Komunikasi Meteorologi menjadi juara pertandingan tersebut.



**Logo Rasmi Surau Kajicuaca**

Surau Kajicuaca mendoakan agar rantaian virus COVID-19 ini dapat diputuskan supaya rakyat Malaysia bebas dari penyakit ini dan dapat menjalani kehidupan yang kembali normal.

# Aktiviti Jabatan

## SESI SANTAI RAJA BUAH KKSMM 2020

Pada 16 Julai 2020, KKSMM telah mengadakan Sesi Santai Raja Buah KKSMM 2020 yang bertujuan mengeratkan silaturahim antara warga jabatan. Sejumlah 200kg durian, 20kg rambutan dan 10kg buah mata kucing telah disediakan untuk ahli KKSMM serta warga jabatan yang berminat menyertai sesi ini. Program yang julung-julung kali diadakan mendapat sambutan yang menggalakkan dari warga jabatan.



**SESI SANTAI RAJA BUAH KKSMM 2020**  
**TARIKH:**  
16 JULAI 2020(KHAMIS)  
**MASA:**  
4.30 PTG - 5.30 PTG  
**LOKASI:**  
KAWASAN LAPANG BLOK B  
IBU PEJABAT MET MALAYSIA  
**BAYARAN:**  
AHLI KKSMM: RM5.00  
BIKA AHLI KKSMM: RM15.00



# Aktiviti Jabatan

## PERTANDINGAN TRADISIONAL CONGKAK DAN BATU SEREMBAN

Pada 14 Ogos 2020 (Jumaat), satu Pertandingan Tradisional Congkak dan Batu Seremban anjuran Biro Sukan PUSPANITA telah diadakan di Cosy Corner, Tingkat 2, Blok C. Seramai 16 peserta telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini yang terdiri daripada lapan peserta pertandingan congkak dan lapan peserta pertandingan batu seremban.

Keputusan rasmi Pertandingan Congkak bagi tempat pertama telah dimenangi oleh Pn. Nur Adlina Sofia binti Shamsuddin diikuti oleh Pn. Norsafriza binti Ismail di tempat kedua dan Pn. Marina binti Ismail di tempat yang ketiga. Keputusan rasmi bagi Pertandingan Batu Seremban pula telah dirangkul oleh Pn. Nur Faizah binti Mohamad selaku juara, diikuti Pn. Nor Zalina binti Jamian di tempat kedua dan tempat ketiga oleh Pn. Nur Emildyana Venture binti Abdullah.



# Aktiviti Pejabat Meteorologi

## PEJABAT METEOROLOGI SABAH

01

2 Julai 2020

Pengarah PM Sabah, En Amirzudi Hashim telah mengadakan lawatan pemantauan peralatan Sistem Brewer Spectrophotometer, genset dan juga lawatan ke bangunan WSDS & Radar IRIS di PMKK.



Kerja-kerja verifikasi ASTOS.

18 Ogos 2020

02



# Aktiviti Pejabat Meteorologi

## PEJABAT METEOROLOGI SARAWAK

22-26 Jun 2020

AUDIT NAZIRAN AKAUNTAN CAWANGAN NEGERI SARAWAK


Sesi audit telah dijalankan secara telesidang yang melibatkan penghantaran dokumen yang diperlukan sahaja ke Jabatan Akauntan Negara Cawangan Sarawak untuk proses semakan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan. Majlis penutup dan laporan penemuan audit pula telah diadakan secara telesidang pada 30 Jun 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat PM Sarawak.



7-8 Julai 2020

SESI TAKLIMAT TEKNIKAL

Taklimat Pengenalan mengenai *Python* dan GrADS telah disampaikan oleh En. Ambun Dindang dan En. Noor Azam Shaari bertempat di Bilik Mesyuarat, PM Sarawak. Para peserta terdiri daripada pegawai dan penolong pegawai daripada Bahagian Ramalan, Alatan dan Seismologi PM Sarawak. Para peserta juga diberikan latihan secara pratikal yang diharapkan akan dapat membantu dalam proses pengeluaran ramalan cuaca.



# Aktiviti Pejabat Meteorologi

12-13 Ogos 2020

AUDIT DALAMAN MS ISO/IEC 27001: 2013

Sesi audit ini telah dilaksanakan secara telesidang. Walaupun sesi audit ini dijalankan secara telesidang tetapi ianya tidak menghalang auditor melaksanakan tugas dengan baik. Penggunaan sistem aplikasi sedia ada telah banyak membantu dalam kelancaran proses audit.



# Aktiviti Pejabat Meteorologi

## PEJABAT METEOROLOGI PULAU PINANG

24 Jun 2020

LAWATAN GMP ENVIRONMENTAL CONSULTANTS



11-12 Ogos 2020

AUDIT DALAMAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN  
MAKLUMAT MS ISO/IEC 27001:2013



# Aktiviti Pejabat Meteorologi

## PEJABAT METEOROLOGI WP LABUAN

10 Oktober 2020

GOTONG-ROYONG PEJABAT



Pada 10 Oktober 2020, semua kakitangan PM WP Labuan yang diketuai oleh Pengarah Negeri WP Labuan, telah mengadakan kerja gotong-royong membersihkan di luar dan dalam pejabat dengan bantuan lima orang anggota BOMBA Kampung Jawa dan Perbadanan Labuan yang membekalkan tong sampah. Sesi jamuan makan turut diadakan selepas aktiviti gotong-royong dan Pengarah Negeri telah menyampaikan hadiah cenderahati kepada wakil pasukan bomba sebagai penghargaan.

# Aktiviti Pejabat Meteorologi

## PEJABAT METEOROLOGI PAHANG

01

6-7 Julai 2020

Audit Dalaman MS ISO 9001:2015

Audit Dalam MS ISO 9001:2015 telah dilaksanakan di PM Pahang dan beberapa teguran yang dikemukakan semasa proses audit telah diambil tindakan.



02

7 Julai 2020

Majlis Persaraan Kakitangan

Majlis persaraan En. Zulkefli bin Awang telah diadakan bagi meraikan beliau yang mula bertugas pada tahun 1980 dan berkhidmat hampir 40 tahun.



# Aktiviti Pejabat Meteorologi

03

29 Julai 2020

Lawatan Kadet Pegawai TUDM BATCO Batch 1/2020

Seramai 20 orang kadet pegawai TUDM BATCO Batch 1/2020 telah mengadakan lawatan ke PM Pahang. Lawatan ini adalah salah satu program dalam kursus Basic Air Traffic Control Officer (BATCO).



04

13-14 Ogos 2020

Audit Dalam Sistem Pengurusan Keselamatan MS ISO/IEC 27001:2013



# Aktiviti Pejabat Meteorologi

## PEJABAT METEOROLOGI TERENGGANU

8-9 Julai 2020

AUDIT DALAMAN MS ISO 9001:2015



## PEJABAT METEOROLOGI PERAK

1-2 Julai 2020

GOTONG-ROYONG PEJABAT

Program gotong-royong bagi membersihkan dan kerja menyahkuman telah dilaksanakan di di PM Perak pada 1 dan 2 Januari 2020. Kerja penyahkuman juga telah dilaksanakan di dalam dan luar pejabat bagi mengelak dari ancaman COVID-19.



# Aktiviti Pejabat Meteorologi

## PEJABAT METEOROLOGI MELAKA

21 Julai 2020

LAWATAN PERSATUAN FALAK SYARIE NEGERI MELAKA

Seramai 30 orang ahli Persatuan Falak Syarie Melaka telah mengadakan lawatan ke PM Melaka. Para pelawat telah diberi taklimat tentang peranan dan juga fungsi PM serta dibawa melawat bilik operasi pencerapan dan juga tapak peralatan meteorologi.



# Berita Kakitangan

## PERSARAAN KAKITANGAN MEI – OGOS 2020

### **BONHALE BIN MOHD BASIR**

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C32  
Pusat Meteorologi Penerbangan Nasional  
Tarikh Persaraan: 22 Mei 2020  
Tempoh Perkhidmatan: 34 Tahun



### **AZIZAN BIN SAFFIE**

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C32  
Pejabat Meteorologi Kedah  
Tarikh Persaraan: 01 Mei 2020  
Tempoh Perkhidmatan: 39 Tahun



### **HILMIUD-DIN BIN SALLEH**

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C32  
Pejabat Meteorologi Cameron Highlands  
Tarikh Persaraan: 27 Jun 2020  
Tempoh Perkhidmatan: 39 Tahun



### **ZULKIFLI BIN OTHMAN**

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C32  
Bahagian Radar & Satelit Meteorologi  
Tarikh Persaraan: 08 Jun 2020  
Tempoh Perkhidmatan: 39 Tahun



### **MUIN BIN ELAMAT**

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C38  
Pejabat Meteorologi Sabah  
Tarikh Persaraan: 01 Jun 2020  
Tempoh Perkhidmatan: 34 Tahun



# Berita Kakitangan



## **SHAMSUDDIN BIN MINGAN**

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C29  
Pejabat Meteorologi Pulau Pinang  
Tarikh Persaraan: 17 Julai 2020  
Tempoh Perkhidmatan: 40 Tahun



## **MD ISA BIN YAHYA**

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred26  
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia  
Tarikh Persaraan: 01 Julai 2020  
Tempoh Perkhidmatan: 40 Tahun



## **WEE TEAN SWEE**

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C29  
Pejabat Meteorologi Kelantan  
Tarikh Persaraan: 18 Ogos 2020  
Tempoh Perkhidmatan: 39 Tahun

Amat ketara pucuk siantan,  
Rasa segar tepian titi,  
Selamat bersara ufuk ingatan,  
Mekar jasa di taman bakti.

*Sekalung Penghargaan Kepada Semua Pesara*